

Kecelaruan Ekosistem **Akibat Kepupusan** **Hidupan Liar**



Tahun 2019 dilihat sebagai tahun kegelapan dalam kalendar hidupan liar. Bermula kes penemuan gajah Pygmy Borneo yang dikenali juga dengan panggilan gajah Borneo yang terbunuh akibat 70 das tembakan di Sabah pada September lalu, diikuti pula penemuan seekor lagi gajah spesies yang sama yang ditemukan mati dengan kesan tembakan dan kehilangan gadingnya. Pada awal November 2019 juga, kita dikejutkan dengan penemuan bangkai gajah di Sungai Kinabatangan.

Gajah Pygmy Borneo daripada subspecies *Elephas maximus borneensis* dilindungi di bawah Bahagian 1 Jadual 1, Seksyen 25 (1) Spesies Dilindungi Sepenuhnya, Enakmen Pemuliharaan Hidupan Liar (EPHL) 1997 negeri Sabah dan pihak yang melakukan kesalahan yang berkaitan boleh didakwa.

Selain kes kematian gajah Pygmy Borneo, kita dikejutkan pula dengan kematian seekor badak sumbu Sumatera jantan yang diberi nama Kertam, sekali gus melenyapkan identiti badak order Perissodactyle daripada keluarga Rhinocerotidae ini di Malaysia. Lebih menyedihkan, pada 23 November 2019, rakyat negara ini dikejutkan lagi dengan kematian Iman, badak sumbu Sumatera betina terakhir, sekali gus menyaksikan

Semoga Iman Bukan yang Terakhir

berakhirnya coretan hidup badak sumbu Sumatera dan diklasifikasikan statusnya sebagai pupus.

Isu kepupusan hidupan liar ini sejak sekian lama sering diperkatakan, namun seolah-olah tiada halangan bagi si pemburu untuk melakukan kegiatan pemburuan haram hidupan liar. Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Profesor Dr. Ahmad Ismail menegaskan bahawa kematian Iman dan Kertam harus dijadikan teladan bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang pada masa akan datang terhadap haiwan terancam lain yang boleh mengganggu keseimbangan ekosistem.

Isu kepupusan hidupan liar dilihat seiring dengan arus pemodenan seolah-olah semakin tinggi nilai kemodenan, semakin giat kegiatan pemburuan haram. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa faktor lain yang menyebabkan berlakunya kepupusan hidupan liar termasuklah pencemaran, pembalakan haram, pembakaran hutan dan peningkatan suhu. Nilai yang diletakkan dalam urus niaga pemburuan haram seperti nilai seekor harimau belang yang boleh mencecah jutaan Ringgit, memandangkan beberapa bahagian tubuh haiwan tersebut yang dianggap "suci" dan berkhasiat khususnya bagi penjagaan kesihatan dalaman sehingga menjadikan pemburuan haram sebagai industri gelap yang menguntungkan, sekali gus mengancam hidupan liar di Malaysia.

Perkara ini turut ditegaskan oleh Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar yang menurutnya, harimau belang atau *Panthera tigris* mendapat permintaan yang tinggi pasaran antarabangsa, khususnya untuk digunakan dalam bidang perubatan tradisional. Tambah beliau, hampir keseluruhan bahagian harimau belang mempunyai kegunaan dan khasiat tersendiri sehingga spesies ini mendapat permintaan yang tinggi dalam pasaran gelap.

Pemburuan haram ini juga menyaksikan bahawa statistik harimau belang semakin diancam dan terdedah




Haiwan dan tumbuhan dalam ekosistem belantara saling bergantung antara satu sama lain untuk melengkap fungsi keupayaan ekologi.

pada kepupusan jika tiada pelan lanjutan bagi menangani isu ini. Rekod yang dikemukakan dalam persidangan *International Union for Conservation of Nature (IUCN) Symposium and Red List Assessment 2018* di Universiti Malaysia Terengganu, menunjukkan bahawa hanya terdapat kira-kira 350 ekor harimau belang di Semenanjung

Malaysia. Hal ini jelas menunjukkan, seandainya tiada langkah pemuliharaan, spesies ini akan pupus dalam tempoh 20 tahun akan datang.

Dr. Xavier turut menjelaskan bahawa kementerianya mengambil beberapa inisiatif untuk mengatasi masalah kepupusan itu dalam usaha memastikan negara mempunyai sekurang-kurangnya



Antara faktor kepupusan hidupan liar, termasuklah kehilangan habitat asal dan penerokaan hutan serta kerakusan pemburu haram yang terus memburu tanpa mengira kesannya.

mengatasi isu berkenaan. Selain itu, sukarelawan daripada Dana Hidupan Liar Sedunia (WWF) turut sama melakukan rondaan.

Kepupusan hidupan liar juga mengundang kecelaruan ekosistem dan ketidakseimbangan ekosistem belantara di Malaysia. Hutan yang kaya dengan flora dan fauna termasuklah hidupan liar menjanjikan keharmonian ekologi sistem hutan tersebut secara semula jadi. Hutan tanpa hidupan liar menjadikannya tidak seimbang dari segi ekosistem alam sekitar.

Keunikan fungsi setiap haiwan dan tumbuhan dalam ekosistem belantara saling bergantung antara satu sama lain untuk melengkap fungsi keupayaan ekologi hutan tersebut. Sebagai contoh, spesies monyet memainkan peranan pentingnya dalam ekosistem hutan. Monyet berfungsi sebagai "jurutera" melalui sistem pemakanan mereka. Mereka bertindak sebagai agen penyebaran benih, malahan bertindak sebagai "tukang kebun" khususnya bagi menjaga kesihatan hutan. Walau bagaimanapun, monyet juga kian terancam akibat kehilangan habitat dan menjadi mangsa pemburuan haram untuk daging, trofi dan perdagangan haram hidupan liar.

500 ekor spesies ini dalam tempoh lima tahun lagi. Pada masa yang sama, kerjasama antara kementeriannya melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), serta sukarelawan dari pelbagai universiti dilihat sebagai satu tangga dalam usaha


Kita juga sedia maklum bahawa faktor kepupusannya adalah sama, iaitu kehilangan habitat asal dan penerokaan hutan serta kerakusan pemburu haram yang terus memburu tanpa mengira kesannya. Selain itu, isu kekurangan amalan pemantauan, kesedaran awam, tiada perhatian serius, kurang kajian saintifik, peruntukan kewangan yang tidak mencukupi dan kurang kepakaran dalam bidang yang berkaitan hidupan liar termasuk pengurusan hidupan liar menjadikan isu ini tiada kesudahannya.

Penguatkuasaan undang-undang berkaitan yang sedia ada perlu diperketat lagi bagi melindungi haiwan spesies terancam, seperti harimau, gajah, seladang, tapir, beruang matahari dan orang utan, di samping memerlukan kerjasama bersepadu antara jabatan, kerajaan negeri dan persekutuan. Dalam isu kepupusan badak sumbu Sumatera, antara usaha yang perlu dilakukan bagi meningkatkan semula jumlah spesies ini di Malaysia termasuklah mengintai peluang kerjasama dengan Indonesia.

Hal ini disuarakan oleh pensyarah Ekotoksikologi dan Ekologi Hidupan Liar, Jabatan Biologi, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia, yang juga Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Profesor Dr. Ahmad

Ismail. Menurutnya, kegagalan melindungi badak sumbu Sumatera bukanlah tanggungjawab pihak tertentu, sebaliknya tanggungjawab bersama, malah semua agama menuntut agar manusia melindungi haiwan, tumbuhan dan seluruh persekitaran Bumi demi kesejahteraan sejagat.

Pada masa yang sama, tambahan dana juga perlu diperuntukkan kepada agensi penguatkuasa bagi mengawal pemburuan haram terhadap hidupan terancam di negara ini. Realiti pemburuan haram di Malaysia perlu diambil berat dari semua aspek, seperti pelan dan dasar yang berkaitan dana yang diperuntukkan. Jika kita tidak mahu melihat habitat dan hidupan liar diancam kepupusan, maka kita perlu bertindak segera dari sekarang. Pada masa yang sama, kerahan tenaga pihak berkuasa hidupan liar dan agensi bukan kerajaan alam sekitar untuk bersama-sama mematahkan aktiviti haram ini memberikan impak yang besar walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran dan rintangan.



Bangkai gajah Pygmy Borneo ditemukan di ladang di Beluran dengan kesan tembakan.
(Sumber: Jabatan Hidupan Liar Sabah)

Namun demikian, Pengarah Eksekutif Green Growth Asia Foundation, Dr. Dionysius Sharma, percaya bahawa terdapat peningkatan kesedaran dalam kalangan rakyat Malaysia mengenai isu berkaitan alam sekitar dan hidupan

liar. Menurut beliau, hal ini dikatakan demikian kerana rakyat Malaysia berpeluang untuk mengakses pelbagai maklumat tentang isu ini terutamanya melalui media sosial meskipun kepekaan terhadap perkara tersebut masih belum berlaku sepenuhnya.

Hal ini turut disokong oleh Dr. Ahmad Ismail, iaitu konsep penghayatan ilmu tentang kesedaran alam sekitar dan hidupan liar masih belum cukup memberangsangkan sama ada pada peringkat rendah, peringkat tinggi hinggalah rakyat negara ini kerana masih banyak konflik yang berlaku antara pemuliharaan dengan pembangunan. Dr. Dionysius Sharma yang juga penaung dan pengasas "Tabung Selamatkan Harimau" berkata, penguatkuasaan dan kesedaran awam, dana untuk pemantauan pemburu haram sama ada daripada kerajaan ataupun sumbangan awam, amat diperlukan pada masa ini.

Ancaman kepupusan hidupan liar juga dapat dikawal dengan beberapa langkah pemuliharaan, antaranya termasuklah dengan usaha pemeliharaan, pendidikan, penyelidikan dan pembangunan. Pemeliharaan ini merangkumi penanaman semula hutan di kawasan yang ditebang dan



Iman yang disahkan mati selepas menderita disebabkan oleh ketumbuhan pada uterusnya yang dikesan sejak Mac 2014. (Sumber: Bernama)



Kemusnahan flora disebabkan oleh kelalaian manusia.

melakukan pembalakan secara terpilih, iaitu aktiviti penebangan hanya melibatkan pokok terpilih dan meninggalkan sejumlah pokok besar dan pokok kecil. Dari sudut pendidikan pula, dengan menekankan kesedaran terhadap usaha membanteras penggunaan barangan yang diperbuat daripada spesies terancam khususnya yang melibatkan barangan kulit haiwan tersebut, harus digiatkan lagi.

Di samping itu, kempen menentang pembalakan haram dan pemburuan haram hidupan liar perlu dilaksanakan secara lebih menyeluruh. Melalui pendidikan juga, kempen ini dapat menanam kesedaran terhadap kepentingan pemeliharaan dan pengkalan sumber flora and fauna. Penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan juga seharusnya berupaya memastikan kesinambungan spesies yang diancam kepupusan menerusi kajian pembiakan. Kajian yang dijalankan juga harus mampu menghasilkan pelalian dan hormon yang lebih baik bagi genetik spesies tersebut. Proses pembinaan termasuklah perumahan, perindustrian, pertanian dan perkilangan dikaji sepenuhnya bagi mengelakkan kesannya terhadap alam dan ekosistemnya.

Ancaman kepupusan flora dan fauna bukan lagi masalah domestik, malahan menjadi isu global. Hampir setiap negara mempunyai agensi kawalan dan penguatkuasaan untuk menangani ancaman kepupusan hidupan liar demi kelestarian ekosistem. Oleh yang demikian, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, ancaman kepupusan dan penjagaan sumber hutan perlu diberikan perhatian pada semua peringkat. Kegiatan haram di belantara yang tidak terkawal menjejaskan ekosistem dan secara tidak langsung menyaksikan generasi akan datang bakal kehilangan identiti asal hidupan belantara. Pada masa itu, apalah erti slogan "Harimau Malaya" jika tiada lagi kedengaran ngauman pak belang. ^[D.M]